

26 MAY 1999

Shahidan-Guru

GURU-GURU ANTI KERAJAAN AKAN IKUTI KURSUS PATRIOTISME

KANGAR, 26 Mei (Bernama) -- Guru-guru yang bersikap anti kerajaan akan dipilih mengikuti kursus patriotisme mulai Jun ini, kata Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini.

Kerajaan negeri mengenal pasti antara 20 dan 30 orang guru yang bersikap sedemikian dan ia amat merugikan negara, katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini, hari ini, Shahidan berkata kursus selama beberapa hari itu akan berlangsung di kawasan rekreasi.

Antara lokasi yang dikenal pasti ialah hutan lipur Bukit Ayer dekat sini yang kini mempunyai kemudahan penginapan serta alam semula jadi yang menarik.

Beliau bimbang, perbuatan segelintir guru itu akan mempengaruhi sikap para pelajar mereka untuk membenci kerajaan.

Shahidan yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perlis bersetuju dengan pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang hanya menghormati ulama sebenar dan menolak ulama politik.

Ulama politik lebih mudah terpengaruh dengan agenda politik menyebabkan mereka begitu mudah terpesong daripada landasan sebenar, kata beliau.

Mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk mengeluarkan perkataan yang tidak bermoral, katanya.

Beliau kemudiannya memperdengarkan rakaman ucapan seorang ulama daripada parti PAS bagi membuktikan bahawa ulama politik sanggup mengeluarkan perkataan tidak bermoral.

-- BERNAMA

AD PR